



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	25/7/2019	MUKA SURAT	: 45
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



BEG dan dompet disyaki diperbuat daripada kulit ular sawa yang dijual di sebuah lot kedai di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Kulai, Johor dirampas oleh Perhilitan kelmarin.

167 beg kulit ular sawa dirampas

JOHORBAHRU 24 Julai - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) merampas 167 produk beg dan dompet yang diperbuat daripada kulit hidupan liar dipercayai ular sawa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) dekat Kulai semalam.

Pengarah Perhilitan negeri Salman Saaban berkata, barangan dianggarkan bernilai RM40,000 itu dirampas pada pukul 4 petang, selepas menerima maklumat daripada orang awam.

Menurutnya, seorang jurujual wanita Indonesia berusia 51 tahun turut ditahan semasa mengendalikan barangan tersebut tanpa sebarang dokumen pemilikan dan penjualan.

"Serbuan dibuat oleh lima penguat kuasa Jabatan Perhilitan Johor di Lot B dan D LTAS," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Salman memberitahu, pihaknya akan memohon perintah tahanan reman ke atas wanita Indonesia itu hari ini

dan kesemua barangan yang disita dibawa ke Jabatan Perhilitan Johor untuk tindakan lanjut.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), Seksyen 60 iaitu memburu atau menyimpan atau terbitan atau produk hidupan liar yang dilindungi dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.